

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian terhadap penguatkuasaan garis panduan kesihatan dan keselamatan pekerja di sektor pengilangan, memandangkan data oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bagi Januari-Jun 2019 menunjukan bahawa sektor ini mempunyai jumlah kemalangan pekerjaan yang tertinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik kemalangan pekerjaan yang direkodkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi Januari hingga Ogos 2019, sektor pengilangan merupakan penyumbang terbesar kemalangan pekerjaan iaitu 65% atau 3,356 bilangan kes daripada 5,149 jumlah keseluruhan kes.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui JKKP mengambil pelbagai pendekatan dan tindakan bagi mengurangkan kemalangan pekerjaan di tempat kerja, terutamanya di sektor pengilangan. Antara tindakan yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan menyeluruh Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (DKKPN) di semua industri

SOALAN NO : 412

termasuk sektor pengilangan. Dasar ini telah digubal dan ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 15 Januari 2019 bertujuan menyatakan komitmen kepimpinan negara untuk meningkatkan tahap KKP menerusi pengurusan risiko dan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.

- ii. Penetapan Standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dari semasa ke semasa agar sentiasa relevan dengan risiko di tempat kerja, contohnya:
 - a) Semakan dan pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994; antaranya bagi memperjelaskan tanggungjawab majikan, pekerja dan orang yang kompeten serta meningkatkan kadar penalti maksimum.
 - b) Gubalan Peraturan baru di bawah AKKP seperti peraturan berkaitan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, bagi meningkatkan tahap KKP sekali gus mengurangkan kemalangan tempat kerja.
 - c) Kemas kini dan gubalan pelbagai Garis panduan dan *Industry Code of Practice* (ICOP) seperti Pengurusan Risiko bagi mengenal pasti hazard, menaksir dan mengawal risiko di tempat kerja.
- iii. Intervensi KKP yang berterusan melalui audit pematuhan, pemeriksaan, pemantauan dan siasatan aduan merangkumi semua sektor pekerjaan. Pada Januari – Ogos 2019, sebanyak 6,279 aktiviti pemeriksaan dan pencegahan kemalangan serta penyakit pekerjaan telah dijalankan di sektor pengilangan.

SOALAN NO : 412

- iv. Penguatkuasaan KKP yang tegas melalui siasatan kemalangan dan tindakan punitif. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2019, sebanyak 53,605 tindakan punitif telah diambil termasuk tindakan pendakwaan (penalti berjumlah RM 2.9 juta) dan kompaun (berjumlah RM 1.4 juta).

- v. Promosi dan latihan KKP bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman majikan dan pekerja berkenaan perundangan dan amalan KKP yang terbaik di tempat kerja. Sepanjang Januari hingga Ogos 2019, sebanyak 5,627 aktiviti promosi KKP telah dijalankan, antaranya:
 - a) Program *OSH Compliance Support* dan *Outreach*
 - b) Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - c) Anugerah Cemerlang KKP
 - d) Seminar, ceramah, dialog, temubual media dan pameran KKP

- vi. Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2016 – 2020 bagi merangka strategi jangka panjang negara dalam meningkatkan tahap KKP dan memupuk budaya pencegahan di kalangan majikan dan pekerja di Malaysia. Lima strategi, 23 program dan 70 aktiviti telah dan sedang dilaksanakan di bawah inisiatif ini. Kadar kemalangan per 1,000 pekerja sektor pengilangan telah turun daripada 5.17 di tahun 2017 kepada 4.62 di tahun 2018.